BIL. 76 APR 2020

CREATE
e-newsletter

Petugas UMP Holdings siapkan 1,000 alat pelindung muka b

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, UNIT PERHUBUNGAN AWAM, PEJABAT NAIB CANSELOR

Prihatin terhadap keperluan pelindung muka buat petugas kesihatan dan barisan hadapan yang berjuan
Covid-19 terutamanya di negeri Pahang, UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) yang juga merupakan anak
turut tidak ketinggalan menghulurkan bantuan dengan menyediakan 1,000 alat pelindung muka *(face sh*
2020 yang lalu.

Menurut Pengurus Projek , Mohd Hairuddin Idris, sebanyak 1,000 pelindung muka ini disediakan untuk mer penyelarasan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang untuk diedarkan kepada kakitangan bari Kesihatan Malaysia (KKM) yang masih memerlukan bekalan di negeri ini.

“Seramai 30 sukarelawan yang terdiri daripada warga UMP Holdings dan Kumpulan berganding bahu buang ini.

“Dengan menggunakan konsep *production line* iaitu stesen pertama akan melakukan pemotongan span di pembungkusan di peringkat akhir.

“Kami juga turut mengambil langkah keselamatan terhadap petugas dengan penjarakan sosial serta kera *(hand-sanitizier),”* katanya.

Tambah beliau lagi, inisiatif ini merupakan salah satu bentuk sumbangan khidmat komuniti pihak syarikat p individu memainkan peranan penting dalam meringankan beban para petugas barisan hadapan dalam mer

Terdahulu, UMP Holdings juga turut menjalinkan kerjasama bersama Persatuan Alumni dan Graduan
kepada para petugas hadapan.

Antara yang telah menerima sumbangan ialah Balai Polis Gambang dan pihak berkuasa yang terlibat de
Gambang.

Pemberian air mineral ini dilaksanakan secara mingguan di samping turut membekalkan 50 botol berkapa
sanitizier) dalam memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan konsisten berdasarkan keperluan.

UMPH bantu sediakan 1,000 pelindung muka dan sumbang air
kesihatan

Prihatin terhadap keperluan pelindung muka buat petugas kesihatan dan barisan hadapan yang berjuan
Covid-19 terutamanya di negeri Pahang, UMP Holdings Sdn. Bhd (UMPH) yang juga merupakan anak
membantu menyediakan 1,000 alat pelindung muka *(face shield)* dan menyumbang 720 botol air minuman

Pelindung muka dibuat pihak UMP Services Sdn. Bhd. manakala air minuman disumbangkan oleh Imani A

Kedua-dua syarikat ini merupakan subsidiari UMP Holdings Sdn. Bhd.

Serahan disampaikan oleh Pengurus Besar UMP Services Sdn. Bhd., Mohd. Sanusi Abdullah kepada K
diwakili Nurilham Ibrahim dan Nancy Borubui di Pejabat Kesihatan Negeri Pahang hari ini. Hadir sama Per
Pengurus Projek, Mohd Hairuddin Idris.

Menurut Sanusi, sebanyak 1,000 pelindung muka ini disediakan pihaknya untuk menyokong inisiatif kera
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang untuk diedarkan kepada kakitangan barisan hadapan *(frontliners)*
yang masih memerlukan bekalan di negeri ini.

“Sumbangan ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial kepada masyarakat semasa neg
wabak Covid-19 dengan memberi fokus bantuan terhadap barisan hadapan yang bekerja keras dalam men

Tambah beliau lagi, inisiatif ini merupakan salah satu bentuk sumbangan khidmat komuniti pihak syarikat p
individu memainkan peranan penting dalam meringankan beban para petugas barisan hadapan dalam mer

Sementara itu, Hairuddin berkata, seramai 30 sukarelawan yang terdiri daripada warga UMP Holdi
menyediakan pelindung muka pakai buang ini.

Pihaknya juga turut mengambil langkah keselamatan terhadap petugas dengan penjarakan sosial ser
tangan *(hand sanitizier).*

UMP Holdings juga menjalinkan kerjasama bersama Persatuan Alumni & Graduan UMP dalam menyumb
hadapan termasuklah pihak berkuasa yang terlibat dengan operasi sekatan jalan raya di sekitar Gambang.

Tabung *‘triUMPH Frontliners’* juga diperkenalkan bagi mengumpul sumbangan orang ramai untuk menyum
air mineral ini dilaksanakan secara mingguan.

Di samping itu, pihaknya turut membekalkan cecair pensanitasi tangan *(hand sanitizier)* dalam mem
konsisten berdasarkan keperluan.

Yayasan UMP sumbang Kit Bantuan Covid-19 menjel

Cakna terhadap situasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menjelangnya ketibaan bulan mengagihkan sumbangan buat petugas barisan hadapan dan membantu staf yang berkeperluan pada 17 A

Sumbangan berbentuk makanan keperluan asas ini diedarkan secara berperingkat di kedua-dua kampus menerima manfaat.

Dalam masa kurang seminggu sebelum menjelangnya Ramadan, setiap keluarga pastinya sibuk me keluarga.

Sumbangan ini diharapkan dapat meringankan beban dan kerisauan terutamanya dalam situasi berdepa menjalani PKP di kediaman masing-masing.

Memaknakan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMP sepanjang Ramadan nanti dengan aktiviti secara atas talian.

Ia bagi memastikan setiap hari terisi dengan aktiviti yang dapat mempertingkatkan hubungan antara s dengan ibadah yang sempurna.

Pihak Yayasan UMP turut menghargai sumbangan warga UMP dan orang ramai yang menyumbang dalam

Bagi staf dan orang ramai yang berhasrat untuk menyumbang boleh melalui melayari Portal UMP *MyGift.*jsp?action=addEndowment&type=TBENCANA atau sumbangan atas talian *(online)* Akaun Malay

UMP: 556235304236 (Ref: KEBAJIKAN STAF).

Maklumat lanjut hubungi Pegawai Yayasan UMP di talian 019-9352013 atau Jawatankuasa Tabung Keb
talian 019-9805060.

Lagu ‘Kita Jaga Kita’ nyanyian mahasiswa UMP berunsur nas

Sekumpulan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyanyikan semula lagu yang berju
‘Sakit’ yang popular dan dinyanyikan oleh Zynnakal untuk memberi nasihat kepada rakyat Malaysia dalar
penyakit COVID-19 yang melanda negara di seluruh dunia.

Tampil kreatif mahasiswa yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Tekn
ketika menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksana di Malaysia sejak 18 Mac lalu.

Mereka terdiri daripada Nur Nissa Halimah Rahmat yang merupakan mahasiswa Fakulti Komputeran be
Shamshul Azri dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) dan Dinie Almatin
Awam. (FTKKA).

Mereka juga merupakan ahli Kelab Nyanyian Solo, Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian UMP.

Ketika ditemu bual, Nur Nissa berkata, terlebih dahulu pihaknya ingin mengucapkan terima kasih kepada Z
lagunya dan penasihat Kelab, Noor Afiza Mohd Azmi yang banyak memberi dorongan buat beliau dan raka

“Penghasilan lagu ini sebagai usaha menyahut saranan kerajaan yang menyeru masyarakat agar s memerangi wabak COVID-19,” katanya.

Beliau turut berkongsi pengalamannya dalam penghasilan lagu tersebut yang mengambil masa sehari.

“Pada awalnya kami mengambil masa selama dua jam untuk menghasilkan lirik yang berunsurkan nasihat.

“Kami akan menyanyi dan merekodkan di rumah masing-masing.

“Setelah proses merekod suara selesai, kami berhubung dan menghantar bahan melalui e-mel untuk prose

Walaupun sedang menjalani PKP di rumah, Nur Nissa yang tinggal bersama keluarga di Johor Bahru, Har bukan penghalang bagi mereka untuk menghasilkan lagu ini tambahan pula dengan kemudahan teknologi

Beliau turut menceritakan antara cabaran yang ditempuhi iaitu capaian internet yang terhad namun ia buka

Tambahnya, lagu ini didedikasikan kepada seluruh rakyat Malaysia sebagai tanda penghargaan kepada COVID-19.

Harapannya agar lagu ini dapat memberi kesedaran dan peringatan kepada rakyat Malaysia di luar sana.

Beliau percaya bahawa pesanan melalui lagu merupakan salah satu pendekatan yang sesuai bagi merek mahu pun di kampus sebagai mengisi masa lapang.

Lagu ini telah dimuat naik di media sosial dan *YouTube* UMPTV di https://www.youtube.com/watch?v=iE UMPMalaysia.

Antara liriknya adalah memohon kerjasama rakyat Malaysia untuk sama-sama perangi COVID-19, jang bahaya. Kena hati-hati, COVID-19 mudah dijangkiti dan penyakit ini tidak mudah untuk dihenti.

Dalam pada itu, selain sibuk memberi tumpuan terhadap pengajian masing-masing ketiga-tiga mahasiswa sering membuat persembahan di majlis-majlis rasmi universiti.

Lirik Lagu 'Kita Jaga Kita'

Ini pesanan untuk semua
Bukalah hati bukalah mata
Ini pesanan untuk semua
Untuk elakkan dari *corona*

Wahai kawan kawan mari kita beri kerjasama
Bangkit wahai rakyat, marilah jaga Malaysia
Kita perangi *corona* janganlah kita terleka
Kesilapan ini bakal menjadi bahaya

Bila sorang sakit kena hati hati
Sakit dia bukan sakit sendiri
Covid-19 ini mudah dijangkiti
Penyakit ini tak mudah untuk dihenti

“Penghasilan lagu ini sebagai usaha menyahut saranan kerajaan yang menyeru masyarakat agar sentiasa beker

Mengerti
Kita mesti dengar arahan diberi

Kita mesti hentikan penyakit ini
Beri kerjasama jangan penting diri

Oh perintah kawalan, kawalan pergerakan
Jadi tolonglah pesan, aku tolong ingatkan
Duduk saja di rumah, duduk dengan keluarga
Ataupun kawan kawan, oh kita jaga kita

Oh rajinlah kau kerap cuci tangan
Ada barang diperlukan
Biar sorang je dapatkan

Ini pesanan untuk semua
Bukalah hati bukalah mata
Ini pesanan untuk semua
Untuk elakkan dari *corona*
Penyakit ini tumpas pabila kita kerjasama
Bangkit wahai kawan kita perangi *corona*
Polis askar doktor misi semua dah jaga negara
Just stay at your home guys kita jaga kita

Oh virus di serata
Jangan buat tak tahu
Jangan kau buat gila
Semua pun kau sapu

Dah mayat berterabur
Kau masih tak mengerti
Sampai kena sendiri
Baru nak takut mati

Biar kau buta mata
Jangan diminta maut
Maut tak kenal siapa
Nanti kau kecut perut

Biar harta tak mewah
Asalkan tak merungut
Diam saja dirumah
Buat apa yang patut

Lagu asal: Sakit oleh Zynakal

Lirik
-Nur Nissa Halimah binti Rahmat
-Haris Nufail bin Shamshul Azri

Penyanyi dan Editor

-Nur Nissa Halimah binti Rahmat
(Tahun 3 - Fakulti Komputeran)
-Haris Nufail bin Shamshul Azri
(Tahun 1- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automot
-Dinie Almatin bin Asfarin
(Tahun 1 - Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam)

Video: Kumpulan Seni Suara Aural Adrenalin, Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian UMP dengan k UMP.

Pelantikan Baharu Jawatan Giliran UMP

Amalkan tabiat makan secara sihat sepanjang

Oleh: DR. NOORMAZLINAH AHMAD
e-mel: mazlinah@ump.edu.my

Makan secara sihat adalah menjadi keutamaan apatah lagi bagi mereka yang mengalami penyakit diabet darah yang optima, kekal sihat dan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Se paling berisiko tinggi untuk mendapat pelbagai pendedahan penyakit adalah warga emas yang mempu darah tinggi dan juga pesakit jantung. Makanan yang bernutrisi tinggi dengan kadar pengambilan yang tep kesihatan yang optimum bagi membantu menambah daya rintang penyakit.

Corak pemakanan adalah antara elemen yang terpenting bagi mempersiapkan diri untuk mencegah dan Covid-19 ini. Bak kata pepatah 'kita adalah apa yang kita makan'. Makanan seimbang yang bernutrisi l harus diamalkan oleh setiap orang. Makanan yang patut dielakkan ketika musim PKP ini adalah makan gula), pengambilan garam secara berlebihan, makanan yang tinggi bahan pengawet dan juga makanan ya

Waktu ini adalah masa yang paling sesuai untuk para ibu menyediakan sendiri makanan untuk ahli kelu bahan yang bersifat anti virus seperti madu, kunyit, lemon, halia dan juga bawang putih di dalam menu s kandungan prebiotik seperti kurma, pisang dan kiwi boleh dijadikan snek dan kudapan. Selain itu, mer diamalkan di dalam makanan seharian kerana makanan ini telah melalui proses fermentasi yang dapat me perut dan secara tidak langsung boleh menambah imuniti tubuh badan selain pengambilan vitamin C secar

Laporan dari hasil penyelidikan yang dipetik dari Jurnal Antarabangsa S https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2812835/ mencadangkan pengambilan sekurang-sekurang seharian agar dapat membantu membekalkan fiber yang mencukupi untuk mengelakkan masalah obesiti d ini membantu secara tidak langsung kepada pesakit kencing manis dan darah tinggi untuk menguran pesakit. Inulin, *fructooligosakarida* dan gam Arab adalah antara yang disarankan di dalam penyelidikan ters

Prebiotik sumber makanan baik kepada bakteria baik

Prebiotik adalah merupakan sumber makanan baik kepada bakteria baik yang terdapat dalam usus manu kanak, remaja, dewasa mahupun pada usia warga emas. Ia juga bertindak sama dalam sistem pengha formulasi baja untuk tanaman. Terdapat hampir 10 trilion bakteria baik seperti dari spesies *Lactobacillus* terdapat di dalam pada keseluruhan sistem penghadaman. Jumlah ini adalah lebih 10 kali ganda jumlah se

Sistem penghadaman amat memerlukan bakteria-bakteria baik ini di dalam proses pencernaan di usus k sepuluh jenis bakteria baik dalam sistem penghadaman manusia yang mana setiap spesies bakteria b elemen makanan yang dicernakan. Namun, kecekapan sistem penghadaman tidak hanya bergantung kepa sistem pencernaan. Bakteria-bakteria baik (probiotik) ini akan menurun populasinya sekiranya tidak m prebiotik.

Probiotik dan Prebiotik saling memerlukan antara satu sama lain, tindak balas semula jadi ini dikenali s memerlukan makanan bagi menjalankan fungsi khususnya dengan efektif, signifikan dan baik. Bakter prebiotik seperti Inulin dan *Fructooligosaccharide* (FOS).

Sistem pencernaan memerlukan bakteria-bakteria baik, namun dalam masa yang sama bakteria-bakteri sumber-sumber prebiotik. Lebih menakjubkan hanya bakteria baik sahaja yang memakan sumber prebiotik

menjadi lebih baik dan mendapat pelbagai manfaat kesihatan kesan dari kesempurnaan sistem pen pertumbuhan bakteria baik berlaku dengan efisien maka kesihatan manusia, haiwan mahupun tumbuha bakteria jahat tidak dapat menyerang dan memberikan sebarang penyakit yang tidak diingini. Ini merupaka segenap lapisan benda hidup untuk melawan sebarang penyakit terutamanya yang bermula dari usus yan adalah bermula dari keadaan usus yang lemah.

Secara amnya, unsur prebiotik ini terdapat di dalam mana-mana buah-buahan dan tumbuhan dan yan bahan prebiotik ini. Di sinilah inovasi yang dibawa dalam proses penghasilan prebiotik daripada sumber p dan kualiti yang tinggi. Kesedaran akan kepentingan kesihatan sistem penghadaman dan kesan baik meningkat. Pihak pengeluar produk dan pengguna perlu seiring dalam menghasilkan dan menggunakan p baik pada kesihatan pengguna.

Manfaat prebiotik *OLIGOWELL™- Inulin Complex*

Kepentingan bahan prebiotik *OLIGOWELL™- Inulin Complex* kepada inovasi dan revolusi terutamany bermula dengan menggunakan bahan prebiotik *OLIGOWELL™-Inulin Complex* dalam formulasi produk. K formulasi produk tenusu, susu formula bayi, aiskrim, coklat, minuman dan makanan kesihatan dan turut ternakan komersial.

Kebaikan utama penggunaan prebiotik terhadap kesan kesihatan adalah ia dapat meningkatkan sis mengoptimumkan kadar penyerapan kalsium dan nutrien. Kelebihan prebiotik juga mengembalikan dan m dan usus kecil. Selain itu dapat membantu melancarkan pencernaan, membantu mengawal selera m kolesterol dalam badan.

Ketika PKP ini, disiplin masa pemakanan atau mengikut waktu makan yang sama setiap masa ketidakseimbangan tubuh badan yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti gastrik dan masa makanan utama iaitu sebanyak tiga kali sehari dengan sarapan sebelum jam sembilan pagi dengan nilai 2 12 tengah hari hingga dua petang dengan nilai kalori (400-600) kalori, diikuti makan malam sebelum jam kalori. Kita turut digalakkan untuk menghitung jumlah kalori yang diambil kerana kalori yang berlebiha diserang pelbagai penyakit yang merbahaya. Pengambilan kalori yang signifikan adalah kunci kepada kesih

Banyakkan minum air

Sangat penting juga untuk minum air secukupnya iaitu sebanyak lapan gelas sehari. Kita tidak digalakkan dengan kata mudahnya malas bergerak. Kita seharusnya menjadi seorang yang aktif dan banyak melaku berkebun, bersenam atau menari bersama anak-anak dengan berpandukan kepada media di atas talian paling mudah dilakukan ialah mengemas rumah dan memasak bersama. Orang yang cergas akan m kecerdasan minda di samping mendapat tubuh badan dan berat badan yang ideal. Selain itu, aktiviti ini j yang stabil dan dapat mengurangkan tekanan *(stress).*

Penulis adalah pensyarah kanan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, Universiti Mal

---

'Calculus Is a Piece of Cake!' - MOOC tawar pembelajara

Oleh: DR. MUHAMMAD AZRIN AHMAD
e-mel: azrin@ump.edu.my .

Umum sedia maklum dengan kepesatan teknologi pada masa kini. Arus teknologi yang pesat membang
pihak yang bijak mencari ruang. Jika dilihat secara sepintas lalu, siapa sangka pembelian barangan ya
hanya boleh dilakukan dengan menggunakan aplikasi mudah alih pada peranti pintar. Sektor pendidikan
ciri pembelajaran yang dipraktikkan sebelum tercetusnya ledakan Internet dan teknologi. Pengajaran da
kaedah fizikal yang melibatkan penglibatan dua hala dalam bilik darjah di antara guru dan pelajar. Ketik
sering diamalkan dalam penyediaan laporan dan tugasan kumpulan. Laporan ditulis menggunakan *Mic*
kepada guru untuk disemak. Apabila kita memasuki ke tahun 2020, penggunaan teknologi yang semak
memperkasakan penggunaan teknologi sebagai alat bantu mengajar dalam usaha mewujudkan su
komprehensif dan seiring dengan kemajuan teknologi semasa.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah menyenaraikan sepuluh
berterusan dalam ekosistem pendidikan tinggi. Lonjakan kesembilan secara khusus telah memperuntukk
Talian Tahap Global. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mempunyai inspirasi dalam penggunaan model
sebagai pendekatan utama pedagogi di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT). Oleh itu, *Massive Open On*
ialah singkatan bagi *massive* (besar besaran), *open* (terbuka), *online cours*e (kursus atas talian). Sepe
dibangunkan dengan memastikan elemen seperti bahan dan aktiviti P&P serta penilaian diterapkan dalam
Malaysia Pahang (UMP), Pusat Sumber Pengajaran dan e-pembelajaran (CIReL) bertindak sebagai se
segala aktiviti berkaitan e-pembelajaran seperti pembelajaran teradun, *Global Classroom*, MOOC dan lain-

MOOC dibangunkan oleh beberapa orang yang dilantik oleh sesebuah fakulti atau pusat di UMP dinama
beberapa siri bengkel dan tunjuk ajar daripada pihak CIReL, SME dikehendaki membangunkan perka
penilaian bagi memastikan kursus yang ditawar kelak berkualiti dan mudah diikuti. Bagi bahan P&
menggantikan kuliah. Video pula boleh direkod menggunakan fasiliti rakaman video di CIReL atau merek
aktiviti P&P dirangka dengan menyediakan soalan tutorial sebagai usaha memastikan pelajar dapat

daripada menonton video yang telah disediakan. Selain itu, SME juga boleh mempelbagaikan kaedah penil

Oleh itu, ramai SME daripada pelbagai latar belakang kepakaran sedia menyumbang idea dan keringat da
MOOC. Sebagai contoh *Calculus* ialah suatu subjek Matematik. Kebanyakan pelajar menganggap *Calculu*
sama sekali dan untuk menepis anggapan ini, subjek MOOC dinamakan sebagai *Calculus is a Piece of C*
seorang SME yang dilantik bagi kursus ini, proses pembangunan kursus berdepan dengan kekangan ya
memastikan kualiti kursus yang dibangunkan menepati sasaran. Apabila kursus berkaitan *Calculus* cuba
ramai pihak skeptikal dan meragui usaha ini memandangkan pada hemat mereka, pelaksanaan P&P bagi
secara konvensional iaitu aktiviti kuliah seperti biasa. Ia sebagai cabaran buat PSM dalam memastikan kan

Selain elemen berkaitan bahan dan aktiviti P&P serta penilaian yang dilakukan secara atas talian seper
kepada pelajar yang mengikuti kursus ini dengan mengadakan perbincangan secara maya menggunakan a
menjawab segala persoalan pelajar sepanjang mengikuti kursus ini secara atas talian. Antara keistime
MOOC berbanding kuliah biasa adalah pelajar yang terlibat tidak perlu menghadiri kuliah secara fizikal, na
masing dan dapat menyiapkan kursus ini dalam beberapa minggu sahaja. Pada masa hadapan, MOO
sesuatu kursus secara micro credential dengan penglibatan rakan industri. *Micro Credential* adalah kursu
kursus besar yang turut menawarkan ilmu, kemahiran, nilai tambah dan kelayakan. Inisiatif ini membol
dipelajari dengan lebih singkat dan layak diberikan sijil kelayakan sesuai dengan pembelajaran yang diikuti

Kursus MOOC *Calculus is a Piece of Cake* yang telah dibangunkan semenjak 2017 boleh berbangga
semenjak kebelakangan ini. Kursus ini telah digunakan sebagai pembelajaran teradun bagi subjek *Calculus*
muda di UMP. Selain itu, kursus ini merupakan kursus pertama di UMP yang menawarkan program *Cred*
diselesaikan oleh tiga orang pelajar. Secara ringkas, CTM membolehkan pelajar mempelajari subjek Ca
Piece of Cake dan mereka perlu mencapai markah sekurang-kurangnya 40 peratus (gred D) dan ke ata
secara MOOC. Tambahan pula, ini membolehkan mereka mendapat sijil yang mengesahkan mereka te
jayanya. Selain itu, pelajar perlu menduduki ujian kelayakan yang ditetapkan oleh pemilik kursus (fakulti/
mendapat markah 50 peratus (gred C) bagi melayakkan mereka memperolehi CTM.

Kepesatan arus teknologi turut mengubah landskap penawaran kursus yang dilihat perlu lebih fleksibel d
pelajar. Komitmen semua pihak ditagih bagi menjayakan inisiatif MOOC di UMP supaya setanding deng
ketika ini. SME harus lebih kreatif dalam mempelbagaikan bentuk penyampaian dan pelajar pula harus kon
atas talian.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang (UMP).



- 193 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

